

13 FEB, 2022

Terus komited jaga keselamatan setempat

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Terus komited jaga keselamatan setempat

MIRI: Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri terus komited dalam usaha menjaga aspek keselamatan di bahagian ini.

"Aspek keselamatan di Bahagian Miri yang dibincangkan dalam mesyuarat ini memfokuskan kepada beberapa isu yang perlu diberikan perhatian dan penyelesaian segera meliputi keselamatan darat, laut dan udara," kata Residen Miri, Abdul Aziz Mohd Yusuf.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media selepas

mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri yang diadakan di Pejabat Residen Bahagian Miri, petang Jumaat lepas.


Dalam mesyuarat itu, beberapa agensi keselamatan telah membentangkan laporan berkaitan isu keselamatan dan pelan tindakan menerusi Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri bagi mempergiatkan usaha pemantauan serta tindakan Operasi Bersepadu di Bahagian Miri.

Antara agensi dan jabatan kerajaan yang hadir ialah

Pejabat Daerah di Bahagian Miri serta wakil agensi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), RAMD Kem Sri Miri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon 6 Miri, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Miri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Daerah Miri, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Penjara Pusat Miri dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Bahagian Miri.



UNTUK ALBUM... Abdul Aziz Mohd Yusuf merakamkan gambar bersama wakil agensi dan jabatan yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri yang diadakan di Pejabat Residen Bahagian Miri, petang Jumaat lepas.



13 FEB, 2022

Terus komited jaga keselamatan setempat

Mingguan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MIRI: Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri terus komited dalam usaha menjaga aspek keselamatan di bahagian ini. "Aspek keselamatan di Bahagian Miri yang dibincangkan dalam mesyuarat ini memfokuskan kepada beberapa isu yang perlu diberikan perhatian dan penyelesaian segera meliputi keselamatan darat, laut dan udara," kata Residen Miri, Abdul Aziz Mohd Yusuf. ^ Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media selepas

mempengerusikan Mesyuarat * Jawatankuasa Keselamatan Bahagian Miri yang diadakan di Pejabat Residen Bahagian Miri, petang Jumaat lepas.